



**TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL** berangkat menyempurnakan Istiadat Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kelima DUN ke-13 di Kompleks DUN, Kangar, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

## Jangan gugat kestabilan kerajaan

UM/12-8-17/3/2/9/PS - Sozal

**KANGAR 1 Ogos** - Kestabilan politik dan kerajaan yang wujud ketika ini tidak sepatutnya di-ganggu-gugat agar ia tidak menjasikan perancangan dan pelaksanaan agenda pembangunan negeri dalam jangka panjang.

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bertitah, ini kerana kerajaan yang lemah dan tidak stabil akan sukar berfungsi dengan berkesan, sekali gus akan merugikan negeri dan rakyat.

Titah baginda, salah satu faktor penting dalam kesinambungan pembangunan dan kemakmuran negeri adalah kestabilan politik.

"Beta juga ingin menyeru agar seluruh kepimpinan di peringkat negeri dapat bekerjasama demi pembangunan negeri dan kemaslahatan rakyat Perlis.

"Ketepikan kepentingan diri yang sempit. Sebaliknya utamakan kepentingan rakyat. Elakkkan tindakan ke arah perpecahan, tetapi sebaliknya mantapkan usaha perpaduan," titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin beritah demikian sempena Pe-

rasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis Yang Ke-13 di DUN di sini hari ini.

Berkenan hadir sama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Tuanku Syed Sirajuddin seterusnya bertitah agar semua pihak menjadikan konflik politik di negara-negara Islam sebagai pedoman dan pengajaran.

Baginda juga mengingatkan agar tiada mana-mana pihak yang cuba membuka ruang kepada penglibatan dan campur tangan kuasa-kuasa luar kerana perbuatan itu akan membawa banyak keburukan dan kemusnahan.

"Kita tidak mahu negeri yang telah kita bangunkan secara bersama ini hancur kerana perbalahan sesama sendiri," titah baginda.